

## **BAB 5**

# **KELESTARIAN MASYARAKAT MAJMUK KETIKA PANDEMIK**

*Azman Bidin*

### **PENDAHULUAN**

Kewujudan kepelbagaian etnik di negara ini membentuk suatu masyarakat majmuk. Sepanjang menghadapi cabaran peringkat nasional seperti COVID-19, beberapa contoh dibincangkan untuk memahami bagaimana masyarakat berbilang kaum di negara ini berjaya melepasi halangan-halangan yang diharungi bersama-sama pada masa lampau. Pengajaran dari apa yang berlaku di masa lalu akan diambil sebagai iktibar untuk menghadapi cabaran pandemik semasa dan pada masa hadapan.

### **KEPELBAGAIAN ETNIK NEGARA**

Bangsa Melayu merupakan bangsa yang terutama dalam kumpulan bumiputera (69.6%), diikuti oleh bangsa Cina (22.6%) dan kaum India (6.8%) dari jumlah keseluruhan 32.7 juta penduduk negara ini. Selain bangsa Melayu, etnik lain di dalam kategori bumiputera adalah orang asli, Siam dan Serani di Semenanjung Malaysia. Manakala di Sabah dan Sarawak pula terdapat kaum Dayak dan Kadazan-Dusun.

Komposisi kaum ini selalunya dizahirkan dengan jelas dalam pembentukan jemaah menteri dalam kabinet negara. Begitu juga dengan bilangan para pelajar di peringkat kebangsaan dalam universiti-universiti awam. Walaupun negara telah mengalami beberapa perubahan pentadbiran dari segi politik, komposisi kaum yang ada dikekalkan bagi menunjukkan kepelbagaian latar belakang masyarakat di negara ini.